

02 FEB 2003

Kabinet-reaksi

SAMY VELLU, HISHAMMUDDIN TAK SETUJU KABINET LETAK JAWATAN

IPOH, 2 Feb (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein tidak setuju dengan cadangan supaya barisan kabinet yang ada sekarang meletak jawatan apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur Oktober ini.

Samy Vellu, yang juga Presiden MIC, berkata cadangan itu merupakan pendapat peribadi Menteri Perusahaan Utama dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Dr Lim semalam berkata bahawa semua anggota kabinet perlu meletak jawatan apabila Perdana Menteri berundur bagi membolehkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku pengganti Dr Mahathir, melantik semula menteri yang ada atau membuat pelantikan baru.

"Itu pandangan dia tetapi saya tidak berpendapat begitu," kata Samy Vellu kepada pemberita di Sungai Siput hari ini.

Hishammuddin, yang juga tidak setuju dengan cadangan Dr Lim itu, berkata apa yang penting ialah semua anggota kabinet yang ada sekarang hendaklah menerima keputusan Perdana Menteri yang baru sama ada mengekal atau menggugurkan mereka.

Beliau berkata apabila Perdana Menteri baru dilantik, maka pemimpin yang ada perlu menunggu keputusan sama ada mereka dikekalkan atau akan digantikan kerana itu adalah satu amalan biasa.

"Ini bukan untuk kepentingan individu tetapi kepentingan parti. Apa yang penting ialah apa juga keputusan, ia tidak akan menjejaskan perpaduan sedia ada dan kemampuan kita untuk bergerak dengan mantap," katanya selepas mendengar taklimat pilihan raya Pemuda Umno Negeri Perak bersama-sama Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, di sini hari ini.

Hishammuddin, yang juga Ketua Pemuda Umno, berkata bahawa pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini, semua anggota sebulat suara menyerahkan pelantikan mana-mana pemimpin kepada Perdana Menteri dan Presiden Umno yang baru.

Tajol Rosli pula berkata peletakan jawatan itu tidak perlu kerana selepas pilihan raya, bagi jawatan-jawatan dalam kabinet ianya akan ditentukan Perdana Menteri.

-- BERNAMA

KAY MAI